

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/1975**

=====

**SYARAT BATIN (IMPLIED CONDITION) BAGI
MEMBENARKAN BILANGAN RUMAH-RUMAH YANG BOLEH
DIDIRIKAN DI ATAS SEKEPING TANAH PERTANIAN**

Sungguh pun kehendak-kehendak seksyen 214(1)(a) dan (b) Kanun Tanah Negara membolehkan tukar milik kepada lebih dari seorang akan tetapi soal berapa buah rumah kediaman yang boleh didirikan di atas sekeping tanah desa pertanian adalah tertakluk kepada seksyen 115 Kanun Tanah Negara.

2. Tujuan untuk mendirikan rumah kediaman ialah untuk menguasai dan menjaga tanaman-tanaman di atas tanah dimana rumah itu didirikan. Tanah yang tersebut hendaklah sentiasa di dalam keadaan bertanam sepenuhnya. Oleh yang demikian Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan supaya jangan memberi kebenaran untuk lebih dari sebuah rumah kediaman didirikan sebelum syarat tanah itu ditukar untuk tujuan perumahan. Jika kebenaran diberi maka Pemungut akan menghadapi kesulitan masa menimbangkan permohonan untuk belah bahagi atau belah sempadan nanti.

3. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah patuh dengan arahan di perenggan 2 atas.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOH DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL 1876(3)

KUALA LUMPUR
3HB APRIL 1975

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.5/1976**